

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN ARIFIN [ ROMPIN ]**

**TARIKH : 26 JULAI 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN : 41**

**Dato' Sri Hasan Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah pembinaan landasan kapal terbang baru dapat dibina di Pulau Tioman, Pahang dan berapakah kosnya.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan pembinaan lapangan terbang baru di Pulau Tioman sedang dikaji semula oleh kerajaan dari segi keperluan dan kebolehlaksanaan. Justeru itu, tarikh pelaksanaan dan anggaran kos untuk projek tersebut belum dapat ditentukan.

Rekod Pengendalian Penumpang di Padang Terbang Tioman dari 2010 sehingga kini adalah seperti berikut:

2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	Mei 2018
54,056	62,010	60,141	56,054	9,217	0	0	0	0

Untuk makluman, terdapat cadangan dari syarikat swasta kepada kerajaan untuk membangunkan lapangan terbang baru Pulau Tioman secara PFI di mana kos pembangunan dibiayai oleh syarikat swasta sepenuhnya. Kerajaan akan menilai cadangan pembangunan tersebut dan penemuan kajian-kajian kebolehlaksanaan yang perlu dikemukakan dari semua aspek termasuk manfaat ekonomi, sosial impak dan alam sekitar. Buat masa kini cadangan pembangunan tersebut masih lagi di peringkat awal.

Kementerian Pengangkutan juga mengambil maklum tentang cabaran semasa kerajaan iaitu kekangan kewangan dan juga isu pemeliharaan alam sekitar di mana pembinaan landasan baharu di Pulau Tioman akan melibatkan kerja-kerja penambakan laut yang akan membawa kesan negatif terhadap terumbu karang yang sememangnya merupakan tarikan utama pelancong yang melawat Pulau Tioman.